

Modul Literasi: Penglibatan Ibu Bapa Bagi Mempertingkatkan Pencapaian Literasi Kanak-Kanak

Zainiah Mohamed Isa
zainiah@fppm.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan penggunaan modul panduan literasi ibu bapa bagi mempertingkatkan pencapaian literasi kanak-kanak. Seramai 56 kanak-kanak daripada enam buah taska di Terengganu telah dijadikan sampel dalam kajian yang berbentuk eksperimen ini. Data praujian untuk kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan telah diambil sebelum ibu bapa dalam kumpulan rawatan diberikan latihan melalui bengkel yang telah diadakan. Selepas kajian dijalankan selama 10 minggu, ujian pasca pula dijalankan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Keputusan ujian Wilcoxon t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan pencapaian keseluruhan literasi antara kumpulan rawatan dan kawalan selepas menggunakan modul, iaitu pencapaian literasi ($z = -.205$, $p > .05$). Oleh itu keputusan analisis menunjukkan penggunaan modul literasi awal ini tidak dapat meningkatkan pencapaian keseluruhan pencapaian awal literasi.

Kata kunci literasi keluarga; bacaan awal; pemunculan literasi; pendidikan awal kanak-kanak; penglibatan ibu bapa

Abstract

This study intends to examine the effect of using parents' literacy module to enhance their children literacy achievement. A total of 56 children from six child care centres (TASKA) in the state of Terengganu were selected as samples in this experimental study design. Pre-test data was collected for both treatment and control groups before the parents in treatment groups were given training in the workshops. After the study was conducted for 10 weeks, post-tests data were collected on the treatment and control groups. Wilcoxon t test results showed that there was no significant differences in overall literacy achievement between treatment and control groups after using the module ($z = -.205$, $p > .05$). Therefore, the results showed that the implementation of early literacy module was unable to improve the overall performance of children's literacy achievement.

Keywords family literacy; early reading; emergent literacy; early childhood education; parental involvement

Pengenalan

Rakyat Malaysia sepatutnya memberi perhatian terhadap standard literasi kanak-kanak di Malaysia. Statistik menunjukkan 40 peratus daripada 469,038 murid-murid tahun satu bermasalah dalam membaca dan menulis bahasa Melayu. Murid-murid yang buta huruf semasa di darjah satu berkemungkinan akan mengalami masalah yang sama sepanjang zaman persekolahan mereka (Koh Soo Ling, 2006).

Oleh itu, usaha lain yang perlu dilakukan adalah dengan menggunakan orang yang amat rapat dengan kanak-kanak, iaitu ibu bapa mereka. Ini kerana kajian luar negara menunjukkan pengalaman mendengar cerita, memikirkan tentang cerita yang didengarinya, pendedahan kepada perbendaharaan kata yang baru, dan bimbingan dalam pengenalan huruf dan menulis adalah asas kemahiran literasi awal yang boleh diperolehi oleh kanak-kanak semasa di rumah (Clay, 1991).

Penyataan Masalah

Kajian oleh Purcell-Gates (2000) menunjukkan kanak-kanak daripada keluarga yang mengamalkan aktiviti literasi sebagai amalan di rumah selalunya cepat memahami tentang cetakan. Walau bagaimanapun membaca bukanlah merupakan budaya keluarga di Malaysia. Johan Jaafar (2009) menyatakan kita menuju ke arah masyarakat yang kurang membaca. Ini kerana menurut Hasnah dan Habibah (2010) masyarakat kita sentiasa mengharapkan sistem persekolahan yang memberikan kecekapan membaca, menulis dan mengira kepada anak-anak.

Pandangan ini harus diubah, dan ibu bapa perlu sedar tentang besarnya peranan mereka dalam menjamin kecemerlangan anak-anak mereka. Mereka memerlukan pendedahan dan bimbingan cara dan perkara yang harus dilakukan di rumah bersama-sama dengan anak mereka. Oleh itu pengkaji merasakan pembinaan modul literasi ibu bapa di rumah merupakan langkah yang tepat untuk mengatasi masalah ini.

Objektif Kajian

Untuk mengetahui kesan penggunaan modul literasi ibu bapa terhadap pencapaian literasi kanak-kanak.

Persoalan Kajian

Adakah terdapat perbezaan pencapaian literasi kanak-kanak antara kanak-kanak yang ibu bapa yang menggunakan modul berbanding dengan ibu bapa yang tidak menggunakan modul.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan faedah kepada ibu bapa dan kanak-kanak dengan cara dapat memberikan panduan kepada ibu bapa terhadap aktiviti literasi kanak-kanak di rumah. Melalui kaedah ini diharapkan kanak-kanak mendapat pendedahan terhadap literasi sejak lebih awal lagi. Usaha ini akan membantu pihak sekolah dalam usahasama membina asas literasi kanak-kanak yang lebih kukuh.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya meliputi seramai 56 orang kanak-kanak sahaja bagi mewakili kanak-kanak di Malaysia. Oleh itu, hasil keputusan kajian tidak merujuk kepada semua kanak-kanak di Malaysia. Satu kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci bagi melihat keputusan yang boleh merujuk kepada bilangan sampel yang lebih besar perlu dilakukan.

Kajian ini melibatkan hanya kanak-kanak dua setengah tahun ke tiga setengah tahun sahaja. Kajian ini juga tidak dapat mengawal aktiviti-aktiviti yang berlaku di rumah kanak-kanak yang terlibat. Kajian ini juga tidak dapat menentukan sama ada ibu bapa yang menggunakan modul benar-benar menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dipelajari di rumah.

Tinjauan Literatur

Perkembangan literasi bermula semenjak dari awal lahir lagi (Clay, 1991) semua pengalaman di rumah ini menjadi menjadi asas kepada perkembangan literasi seterusnya yang akan diperolehi secara formal di alam persekolahan. Begitulah pentingnya peranan ibu bapa di rumah dalam membina asas yang kukuh bagi perkembangan anak-anak mereka di rumah.

Konsep Teori Kajian.

Konsep yang mendasari kajian ini ialah teori pemunculan literasi, *scaffolding* dan juga literasi keluarga.

Pemunculan Literasi

Menurut teori pemunculan literasi, membaca ialah proses kognitif yang terhasil disebabkan interaksi sosial dengan yang lain (Teale & Sulzby, 1986). Teori ini telah mengubah pandangan, bahawa membaca hanya apabila kanak-kanak membaca teks cetakan. Melalui teori ini membaca bermula lebih awal lagi, iaitu apabila kanak-kanak mula menunjukkan perlakuan menulis dan membaca yang akhirnya muncul sebagai menulis dan membaca yang sebenarnya. Proses perubahan ini berlaku melalui stimulasi yang diperolehi dalam persekitaran kanak-kanak tersebut, membentuk literasi awal mereka dan menyokong perkembangan literasi mereka seterusnya. Ianya berlaku secara tidak formal dalam aspek kehidupan harian dalam keluarga dan komuniti (Hall, 2008).

Menurut kajian Adams (1990), kemahiran asas literasi ialah pengenalan abjad, kesedaran fonologi, perbendaharaan kata dan membaca. Pengkaji menggunakan semua asas kemahiran literasi ini dalam membina modul literasi awal di rumah bagi kajian ini.

Teori *Scaffolding*

Teori *scaffolding* amat sesuai bagi menjelaskan peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan kanak-kanak di rumah ini. Teori sosiobudaya Vygotsky ini merupakan kerangka konseptual yang meneroka cara keluarga menyampaikan kemahiran, pengetahuan dan nilai melalui proses interaksi sosial (Haney & Hill, 2004). Kajian ini yang ingin melihat peranan bantuan ataupun sokongan ibu bapa terhadap literasi kanak-kanak ini agar kanak-kanak memperolehi kemahiran pemunculan literasi. Kajian ini bersesuaian dengan teori Vygotsky yang mementingkan bantuan orang dewasa bagi membolehkan kanak-kanak memperolehi kemahiran sepenuhnya.

Literasi Keluarga

Literasi keluarga merujuk kepada amalan literasi yang berlaku dalam kalangan keluarga (Nutbrown, Hannon & Morgan, 2005). Modul

literasi ibu bapa keluarga pula ialah program yang melibatkan ibu bapa dalam aktiviti literasi dengan anak-anak di rumah. Aktiviti literasi keluarga selalu digunakan bagi membantu sekolah dalam pemerolehan dan perkembangan literasi.

Literasi keluarga ialah literasi yang berlaku secara langsung dan tidak langsung dalam suasana harian kehidupan keluarga yang menyumbang kepada perkembangan literasi kanak-kanak (Burgess, Hecht, dan Loningan, 2002). Ia berlaku melalui;

1. Ibu bapa sebagai model dalam membentuk sikap dan perlakuan kanak-kanak terhadap literasi.
2. Interaksi ibu bapa dan kanak-kanak dalam berkomunikasi dan membaca bersama.
3. Elemen persekitaran di rumah dan juga bilangan buku.

Pengkaji menggunakan konsep keluarga seperti yang dinyatakan di atas dalam membina modul literasi awal kanak-kanak.

Pembangunan Modul Literasi


Bagi membangunkan modul bagi kajian ini, pengkaji telah menganalisis kajian-kajian lepas bagi melihat fokus aktiviti-aktiviti yang dijalankan di rumah. Pengkaji mendapati kajian Foy dan Man (2004) menilai persekitaran literasi sebagai pendedahan kepada membaca buku cerita, pengajaran oleh ibu bapa, dan penyediaan bahan media. Hall (2008) pula meletakkan persekitaran bahasa dan literasi di rumah, yang berkaitan dengan persekitaran kesedaran fonologi, persekitaran bahasa dan juga persekitaran literasi. Roberts, Jurjens dan Burchinal (2005) telah memfokus kepada empat jenis aktiviti literasi di rumah iaitu kekerapan membaca, strategi membaca buku cerita oleh ibu bapa, keseronokan membaca kanak-kanak dan sensitiviti ibu bapa. Melalui dapatan di atas, pengkaji telah membahagikan aktiviti-aktiviti literasi di rumah berdasarkan komponen bahasa dan literasi, kemahiran membaca dan menulis dan membaca buku.

Dalam kajian ini modul literasi keluarga ini telah dibangunkan berasaskan tiga komponen utama yang diperlukan bagi membangunkan kemahiran literasi anak-anak (tiga ke empat tahun) di rumah;

1. Komponen Bahasa dan Komunikasi.
2. Membina Kemahiran Membaca dan Menulis.
3. Membacakan Buku Cerita kepada Kanak-kanak.

Kesemua komponen di atas telah dimuatkan dalam buku panduan ibu bapa sebagai panduan dan terdapat juga cadangan aktiviti di rumah. Para fasilitator akan diberikan garis panduan untuk menjalankan latihan perbengkelan berserta dengan panduan aktiviti yang akan dijalankan oleh ibu bapa semasa perbengkelan.

Bagi membina kerangka konseptual kajian ini, pengkaji telah menggunakan model *The Real Project* (Nutbrown, Hannon & Morgan, 2005) sebagai panduan. Pengkaji mengadaptasi kerangka model *The Real Project* kerana kajian tersebut menggunakan komponen literasi yang sesuai digunakan bagi kanak-kanak yang berusia dua hingga tiga tahun, iaitu peringkat umur kanak-kanak yang menjadi sampel kajian ini. Komponen literasi dalam kajian ini dibina dalam tiga komponen iaitu bahasa dan komunikasi, kemahiran membaca dan menulis serta membacakan buku kepada kanak-kanak yang dijadikan buku panduan ibu bapa sebagai asas dalam membina pengetahuan untuk ibu bapa. Berdasarkan konsep literasi keluarga pula, pengkaji berharap ibu bapa dapat bertindak sebagai model, bertindak balas melalui bimbingan dan interaksi, serta menyediakan peluang dan kemudahan kepada anak-anak mereka. Hasilnya, wujudlah model konseptual yang sesuai dalam konteks suasana dan keperluan ibu bapa dan kanak-kanak.



Rajah 1 Model Konseptual Literasi Awal Kanak-Kanak.

Kajian Dalam Negara

Tidak banyak kajian yang diperolehi bagi mencari literasi yang berkaitan dengan penglibatan ibu bapa di rumah. Kajian yang dilakukan oleh Zainiah Mohamed Isa (2005) telah melihat beberapa

faktor yang berkaitan dengan tahap bacaan kanak-kanak. Antara pembolehubah yang dikaji ialah, pendidikan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, bilangan buku yang dimiliki oleh kanak-kanak, dan juga masa membaca yang diluahkan bersama di rumah. Kajian dilakukan secara soal selidik yang melibatkan 112 orang kanak-kanak berusia lima sehingga enam tahun di lima buah tadika terpilih. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap bacaan kanak-kanak dengan pendidikan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, bilangan buku yang dimiliki oleh kanak-kanak. Namun begitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pembacaan dengan masa membaca di rumah. Kebanyakan kanak-kanak menyatakan mereka ada membaca buku di rumah tetapi tidak dapat menyatakan yang ia sebagai rutin harian.

Begitu juga kajian oleh Ruslida (2005) yang mengkaji penglibatan ibu bapa dengan pencapaian kemahiran asas membaca kanak-kanak prasekolah. Sampel kajian beliau melibatkan 125 orang kanak-kanak dan ibu bapa mereka di lima buah prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, di daerah Petaling Jaya, Selangor. Instrumen kemahiran asas membaca telah digunakan dan ibu bapa pula telah mengisi borang soal selidik yang meliputi aspek interaksi, masa membaca dan bercerita, serta bimbingan dan sokongan material. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian kemahiran asas kanak-kanak. Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan ibu bapa dengan pencapaian kemahiran asas kanak-kanak.

Hasil kajian Ruslida (2005) ini selari dengan kajian Zainiah (2005) yang menunjukkan penglibatan ibu bapa di rumah akan dapat memberikan kesan yang positif, iaitu meningkatkan pencapaian literasi kanak-kanak. Kebanyakan kajian di atas hanyalah secara am sahaja menunjukkan peningkatan terhadap bacaan. Namun, tiada kajian yang secara khususnya memperlihatkan kemahiran tertentu yang diajar dan kesan yang khusus terhadap kemahiran membaca yang tertentu.

Kajian Luar Negara

Kajian mengenai penglibatan ibu bapa terhadap perkembangan kanak-kanak telah banyak dilakukan di luar negara. Kebanyakan kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa ialah penting terhadap kejayaan awal akademik anak-anak mereka.

Kajian Hall (2008), beliau telah menjalankan kajian terhadap peranan literasi di persekitaran rumah dan kesannya terhadap pemunculan literasi dan kesedaran fonologi, bahasa dan literasi awal bagi kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun. Kajian ini menjalankan soal selidik terhadap ibu bapa tentang persekitaran bahasa dan literasi di rumah yang berkaitan dengan persekitaran kesedaran fonologi, persekitaran bahasa dan juga persekitaran literasi. Kanak-kanak pula dinilai dari segi bahasa dan literasi, iaitu pengecaman huruf, huruf permulaan perkataan dan menamakan gambar. Bagi penilaian literasi awal pula diukur melalui bahasa berirama dan juga cerakinan dan menyepadukan perkataan. Dapatan kajian mendapati ketiga-tiga aspek literasi iaitu persekitaran kesedaran fonologi, persekitaran bahasa dan juga persekitaran literasi di rumah tidak menyumbang kepada peningkatan bahasa dan literasi awal kanak-kanak yang terlibat dalam kajian tersebut. Namun demikian, kajian ini hanyalah berdasarkan maklumat data kajian soal selidik dan bukannya daripada kajian eksperimen yang lebih signifikan dapatan kajiannya.

Steiner (2008) telah menjalankan kajian terhadap pemulihan literasi oleh keluarga bagi membantu pencapaian literasi kanak-kanak darjah satu. Kajian yang berbentuk kuasi eksperimen itu menggunakan amalan literasi di rumah. Literasi kanak-kanak diuji dari segi kesedaran fonemik, pengecaman abjad, pengenalan perkataan, membaca perkataan dalam konteks dan kefahaman. Keluarga kumpulan rawatan dibimbing cara amalan literasi di rumah. Analisis data menunjukkan kesan yang signifikan bagi ibu bapa daripada kumpulan rawatan dari segi strategi membaca buku cerita, berbanding keluarga kumpulan kawalan. Kerjasama guru dan ibu bapa dalam pemulihan telah dapat memberikan kesan yang sederhana dalam mempertingkatkan konsep cetakan kanak-kanak kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, tiada kesan yang signifikan dari segi kesedaran fonemik, pengecaman abjad, pengenalan perkataan, membaca perkataan dalam konteks dan kefahaman. Kajian ini juga perlu membina modul untuk melatih ibu bapa mengajar secara langsung mengenai abjad, bunyi huruf dan pengenalan perkataan agar kanak-kanak mendapat kesan yang lebih baik dari segi kemahiran-kemahiran kesedaran fonemik, pengecaman abjad, pengenalan perkataan dan membaca perkataan.

Berdasarkan kajian di atas, mendapati bahawa kajian Hall (2008) tidak memberikan sebarang kesan yang signifikan dalam mana-mana komponen literasi (kesedaran fonologi, persekitaran bahasa dan juga persekitaran literasi). Bagi kajian Steiner (2008) pula menunjukkan

kesan yang signifikan kepada ibu bapa daripada kumpulan rawatan dari segi strategi membaca buku cerita dan konsep cetakan berbanding keluarga kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, tiada kesan yang signifikan dari segi kesedaran fonemik, pengecaman abjad, pengenalan perkataan, membaca perkataan dalam konteks dan kefahaman.

Metodologi Kajian

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi bagi kajian ini ialah kanak-kanak taska yang mengikuti Program Taska Permata Yayasan Keluarga Terengganu (YPKT), Kuala Terengganu, Terengganu. Kanak-kanak ini menjalani program pendidikan asuhan di bawah YPKT dan kebanyakan daripada mereka datang dari kawasan sekitar sekolah tersebut. Kebanyakannya kanak-kanak ini terdiri daripada kanak-kanak Melayu yang mempunyai pelbagai latar belakang ekonomi dan sosial yang pelbagai. Sampel kajian ini melibatkan 60 orang kanak-kanak taska yang berusia antara dua hingga empat tahun yang sedang belajar di enam buah taska YPKT yang dipilih bagi kajian ini. Pada akhir kajian, data empat orang kanak-kanak terpaksa dikeluarkan kerana terdapat banyak maklumat yang tidak lengkap.

Lokasi Kajian

Lokasi enam buah taska ini terletak di daerah Kuala Terengganu bagi memudahkan penyelidik menjalankan kajian secara serentak. Langkah ini juga dapat mengurangkan masalah pembolehubah luar yang mampu mempengaruhi kajian.

Seramai enam orang guru yang berpengalaman membantu dalam penyelidikan ini. Kesemua pembantu guru telah mendapat latihan mengendalikan prasekolah semasa berkhidmat. Kesemua mereka telah diberikan latihan sebagai fasilitator bagi mengendalikan sesi bengkel dengan ibu bapa. Mereka juga dilatih untuk mengisi senarai semak bagi melihat perkembangan literasi kanak-kanak.


Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep bagi kajian ini dibina berdasarkan kaedah eksperimen bentuk antara kelompok (*between subject design*) yang

setara, iaitu praujian dan pos ujian digunakan bagi mengkaji kesan terhadap sesuatu program yang dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan modul literasi awal ibu bapa.

Kedua-dua kumpulan ini telah diberikan praujian menggunakan alat pengukuran konsep cetakan, fonemik dan bahasa untuk melihat tahap pencapaian mereka. Seterusnya, guru akan menjalankan perbengkelan dengan ibu bapa daripada kumpulan rawatan dan ibu bapa tersebut akan melaksanakan aktiviti-aktiviti literasi yang dicadangkan di rumah bersama-sama anak-anak mereka selama 10 minggu. Setelah tamat tempoh uji kaji selama 10 minggu, pengkaji akan menjalankan pos ujian ke atas kanak-kanak sekali lagi dengan menggunakan alat pengukuran konsep cetakan, fonemik, dan bahasa untuk melihat tahap pencapaian mereka.

Seterusnya, analisis dijalankan untuk melihat tahap peningkatan bacaan kanak-kanak tersebut bagi melihat kesan rawatan yang telah dijalankan. Pengkaji akan membuat perbandingan praujian dan pos ujian bagi melihat sama ada terdapat perbezaan-perbezaan pada komponen bacaan yang dinilai itu.



Rajah 2 Modul Literasi Ibu Bapa dan Kesannya bagi Mempertingkatkan Tahap Pencapaian Literasi Awal Kanak-Kanak

Pembahagian Sampel

Kanak-kanak dari enam buah bilik darjah di sekolah ini dipilih secara berpasangan dan dikategorikan sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Seterusnya, kanak-kanak tersebut diuji prestasi konsep cetakan, fonemik serta bahasa masing-masing. Setelah praujian dijalankan, pengkaji akan menilai tahap literasi kanak-kanak tersebut dan memasangkan kanak-kanak yang hampir sama penilaiannya. Kemudian kanak-kanak ini akan diasingkan seorang kepada kumpulan rawatan dan seorang lagi kepada kumpulan kawalan. Pengkaji cuba menyeimbangkan bilangan murid-murid bagi kumpulan rawatan dan kawalan agar sama banyak.

Alat Ukur Kajian

Dalam kajian ini, instrumen Penilaian Fonemik yang dihasilkan oleh Rohaizat Ibrahim dan instrumen konsep cetakan dihasilkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan *Literacy Assessment Profile* (LEARNs). Instrumen bahasa menggunakan instrumen yang terdapat dalam borang senarai semak YPKT. Kesemua instrumen ini telah diguna pakai dalam kajian yang lepas dan sebelum digunakan dalam kajian instrumen-instrumen ini telah menjalani proses kebolehpercayaan dan juga kesahan.

Bagi mendapatkan penentuan kesahan isi kandungan instrumen, pengkaji telah meminta kerjasama 30 orang ibu bapa untuk menilai mana-mana soalan di dalam borang soal selidik dapat difahami dan mengukur maklumat-maklumat tertentu dan kemahiran-kemahiran tertentu.

Item-item telah diletakkan Skala Likert dan telah dianalisis secara deskriptif bagi melihat jawapan mereka secara min purata keseluruhan. Pandangan keseluruhan bagi pendapat ibu bapa mengenai item-item tersebut ialah min:4.39 dengan sisihan piawan Sd: 0.18. Ini menunjukkan hampir kesemua ibu bapa memberikan respon yang tinggi terhadap item-item dalam alat pengukuran ini.

Berikut adalah item-item yang digunakan di dalam borang soal selidik dan juga bagi tujuan penilaian kemahiran kanak-kanak;

Borang Soal Selidik Ibu Bapa

1. Berapakan pendapatan tuan/puan sebulan tuan/puan?

- a. Berapakan pendapatan tuan/puan sebulan tuan/puan?
- b. Adakah anda berbual-bual dengan kanak-kanak ini semasa membacakannya buku?
- c. Adakah anda berbual-bual dengan kanak-kanak semasa menonton televisyen?
- d. Adakah anda bermain atau mengajarkan warna atau bentuk kepada anak anda?
- e. Adakah anda bermain atau mengajarkan huruf-huruf kepada anak anda?
- f. Adakah anda membelikan buku atau majalah untuk anak anda?
- g. Adakah anda membelikan alat tulis kepada anak-anak anda?

2. Kemahiran Konsep Cetakan

- a. Tahu bahasa literasi.
- b. Tahu memegang buku dengan betul.
- c. Tahu yang mana gambar dan yang mana perkataan.
- d. Tahu membaca dari kiri ke kanan.
- e. Tahu di mana permulaan ayat dan tahu di mana penghujung ayat.
- f. Tahu tulisan teks yang mengisahkan cerita bukannya gambar.

3. Kemahiran Fonemik

- a. Murid dapat mengenal dan membunyikan huruf vokal yang betul berpandukan gambar yang diberi.
- b. Murid dapat mengenal dan membunyikan huruf vokal dengan betul.
- c. Murid dapat membunyikan huruf konsonan dengan betul.
- d. Murid dapat membunyikan huruf konsonan pertama dalam perkataan dengan berpandukan gambar yang diberi.

4. Perkembangan Bahasa

- a. Bertutur dengan jelas.
- b. Penggunaan kosa kata reseptif atau ekspresif.
- c. Guna ayat yang mengandungi tiga perkataan.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Berdasarkan maklumat-maklumat daripada soal selidik yang telah lengkap diisi serta borang penilaian konsep cetakan, fonemik serta bahasa telah dikumpulkan dan diberikan kod bagi memudahkan kemasukan data ke dalam perisian komputer. Data-data yang diperolehi ini akan diproses menggunakan *Statiscal Package for Social Science* (SPSS). Data-data tersebut dianalisis menggunakan analisis Wilcoxon T untuk melihat perbezaan kesan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, Spearman Rho bagi melihat hubungan dan juga ujian kekerapan bagi melihat kekerapan sesuatu aktiviti.

Dapatan Kajian

Dapatan Analisis Data

Dapatan analisis data akan menjawab hipotesis kajian berikut:

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap pencapaian keseluruhan literasi awal kanak-kanak antara ibu bapa yang menggunakan modul dan ibu bapa yang tidak menggunakan modul.

Ujian Normaliti

Keputusan ujian normaliti skor min pencapaian pascaujian keseluruhan konsep cetakan, fonemik dan bahasa menunjukkan lengkok taburan adalah tidak bertabur secara normal. Ini dibuktikan melalui ujian kenormalan Kolmogorov-Smirnov^a. Keputusan ujian kenormalan yang $p < 0.05$ menunjukkan taburan diterima sebagai tidak normal.

Jadual 1 Ujian Nomaliti

Ujian Nomaliti	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
	Statistik	Df	Sig.	Statistik	df	Sig.
Perbezaan pra dan pos pencapaian literasi	.140	56	.008	.901	56	.000
Perbezaan Konsep Cetakan	.155	56	.002	.900	56	.000
Perbezaan Fonem	.214	56	.000	.797	56	.000
Pencapaian Bahasa	.177	56	.000	.908	56	.000

a.Lilliefors Significance Correction

Oleh itu, pengkaji telah memilih analisis berbentuk Wilcoxon T bagi data yang bukan parametrik bagi mengukur perbezaan min bagi pencapaian konsep cetakan, fonemik dan bahasa antara kedua-dua kumpulan ini.

Ujian Perbezaan Pencapaian Literasi

Jadual 2 Keputusan Ujian Wilcoxon T Bagi Pencapaian Keseluruhan Literasi

Statistik Deskriptif <i>Descriptive Statistick</i>	N	Min	Sisijian Piawai	Minimum	Makimum
Pencapaian Literasi Kumpulan Rawatan	28	6.4286	5.15269	.00	19.00
Pencapaian Literasi Kumpulan Kawalan	28	6.5357	6.64709	.00	25.00

Jadual 3 Pencapaian Literasi

Ranks		N	Min Tahap Rank	Jumlah Tahap Sum of Ranks
Pencapaian Literasi Kumpulan Kawalan	Tahap Negatif	13 ^a	13.88	180.50
Pencapaian Literasi Kumpulan Rawatan	Tahap Positif	14 ^b	14.11	197.50
	Ikatan	1 ^c		
	Jumlah	28		


a. Pencapaian Literasi Kumpulan Kawalan < Pencapaian Literasi Kumpulan Rawatan

b. Pencapaian Literasi Kumpulan Kawalan > Pencapaian Literasi Kumpulan Rawatan

c. Pencapaian Literasi Kumpulan Kawalan = Pencapaian Literasi Kumpulan Rawatan


Jadual 4 Ujian Statistik Pencapaian Literasi

Ujian Statistik ^b	Pencapaian Literasi Kumpulan Kawalan - Pencapaian Literasi Kumpulan Rawatan
Z	-.205 ^a
Andaian Signifikans (2-tailed)	.838
a. Based on negative ranks. b. Wilcoxon Signed Ranks Test	



Rajah 4 Graf Boxplot: Perbezaan Pencapaian Literasi bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.

Keputusan ujian Wilcoxon T menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian keseluruhan literasi antara kumpulan rawatan dan kawalan selepas menggunakan modul, iaitu pencapaian literasi ($z=-.205$, $p>.05$). Keputusan analisis di atas jelas ditunjukkan oleh nilai pangkatan ujian min kawalan (min pangkatan = 13.88) yang tidak banyak berbeza dengan pangkatan min rawatan (min pangkatan = 14.11). Perbezaan nilai-nilai median ujian pra dan ujian pasca dalam Boxplot (Rajah 4) jelas menunjukkan perbezaan antara kumpulan rawatan dan kawalan. Namun begitu, perbezaan tersebut adalah tidak signifikan. Oleh itu, keputusan analisis menunjukkan penggunaan modul literasi awal ini tidak dapat meningkatkan pencapaian keseluruhan pencapaian awal literasi.



Rajah 3 Graf Bar: Kekerapan Melakukan Aktiviti Literasi antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.

Dalam Rajah 3 di atas menunjukkan tiada banyak perbezaan bagi amalan aktiviti literasi antara ibu bapa yang menggunakan modul dan ibu bapa yang tidak menggunakan modul. Perbezaan yang agak ketara adalah bagi aktiviti berinteraksi atau berbual-bual dengan kanak-kanak dan diikuti dengan membacakan buku dan akhir sekali dengan mengajarkan warna dan huruf kepada kanak-kanak.

Perbincangan, Cadangan Dan Kesimpulan

Secara keseluruhan didapati penggunaan modul literasi di rumah tidak memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian literasi kanak-kanak. Hasil kajian ini menunjukkan bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Wilson dan Loningan (2009) yang mendapati penglibatan ibu bapa sebagai penyumbang utama terhadap asas pemunculan literasi kanak-kanak pada peringkat awal pemunculan literasi sebelum kanak-kanak melangkah ke sekolah. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan selari dengan kajian yang dilakukan oleh Hall (2008) yang mendapati persekitaran kesedaran fonologi, persekitaran bahasa dan juga persekitaran literasi tiada perhubungan dengan peningkatan literasi awal dan bahasa kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun.

Walaupun hasil kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan, terdapat sedikit peningkatan bagi kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan. Ini berkemungkinan disebabkan oleh dapatan data tidak menepati taburan normal yang menunjukkan sampel kajian adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan populasi. Saiz yang terlalu kecil juga boleh menyebabkan keputusan kajian tidak signifikan. Ini bersesuaian dengan kenyataan Chua Yan Piaw (2008) yang menyatakan kuasa generalisasi ujian bukan parametrik lebih rendah berbanding dengan ujian parametrik.

Faktor masa juga boleh menyebabkan hasil kajian ini menjadi tidak signifikan. Masa yang diperuntukkan bagi kajian di atas ialah sepuluh minggu sahaja menyebabkan kanak-kanak belum sempat mencapai kematangan dalam sesuatu kemahiran. Tambahan pula, faktor umur mereka yang terlalu muda menyebabkan mereka memerlukan masa yang lama bagi mencapai sesuatu kemahiran. Tujuan kajian ini menggunakan waktu yang singkat supaya tidak berlaku pencemaran oleh pembolehubah-pembolehubah luaran seperti interaksi antara ibu bapa kumpulan kawalan dan rawatan. Interaksi antara kedua-dua

kumpulan ini akan menimbulkan rasa tidak senang ibu bapa yang tidak mendapatkan bahan dan latihan. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah mengadakan latihan bagi kumpulan rawatan selepas data pasca telah diambil pada minggu kedua belas. Dicadangkan pada masa akan datang masa yang lebih lama patut diberikan agar kanak-kanak dapat menguasai kemahiran yang ditetapkan oleh kajian. Bagi mengatasi masalah antara dua kumpulan, kajian berbentuk kuasi eksperimen lebih sesuai digunakan.

Jika dilihat daripada keputusan carta bar pecahan mengikut aktiviti literasi, hasil kajian menunjukkan terdapat sedikit perbezaan pencapaian literasi antara kumpulan rawatan dan kawalan. Peningkatan yang paling tinggi menunjukkan dalam interaksi ibu bapa, diikuti dengan membaca buku kepada kanak-kanak. Namun begitu, bagi jumlah mengajar di rumah tidak menunjukkan sebarang perbezaan antara kumpulan rawatan dan kawalan. Hasil analisis mendapati amalan aktiviti-aktiviti tersebut tidak dilakukan dengan kerap di rumah. Ini bermaksud penggunaan modul tidak berjaya menggalakkan ibu bapa melakukan aktiviti-aktiviti tersebut sebagai rutin harian. Perlu diingatkan kajian tidak dapat mengawal sikap ibu bapa dan aktiviti-aktiviti yang berlaku di rumah. Ini juga memainkan faktor utama kerana jika dilihat daripada perbezaan kekerapan pelaksanaan aktiviti literasi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan mendapati tiada perbezaan yang menunjukkan ibu bapa yang mendapat bimbingan juga tidak melaksanakan aktiviti ini secara rutin.

Oleh itu, dicadangkan bagi pembinaan modul literasi, komponen sikap ibu bapa juga perlu dimasukkan sebagai komponen utama bagi menjamin kesedaran dalam kalangan ibu bapa bahawa kejayaan kanak-kanak terletak di bahu mereka dan sebenarnya mereka perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam mendidik anak-anak. Melalui dapatan kajian juga menggambarkan bahawa penglibatan ibu bapa di Malaysia belum lagi mencapai tahap yang kompeten. Oleh itu, program yang berfokus kepada penyediaan bahan, penambahan guru dan pembantu guru perlu dipertingkatkan lagi bagi menjamin kualiti pendidikan kanak-kanak di sekolah.

Kesimpulan

Modul yang disediakan ini walaupun tidak memberikan kesan yang signifikan, tetapi ini tidak bermakna modul tersebut tidak berkualiti. Ini kerana melalui kajian-kajian yang lepas menunjukkan kesan

yang signifikan hanya boleh diperolehi jika ibu bapa yang terlibat melaksanakan aktiviti-aktiviti literasi sebagai rutin harian, yang merupakan salah satu prinsip dalam teori literasi keluarga.

Pihak sekolah harus mempertingkatkan kualiti bahan, sumber manusia dan pedagogi bagi membantu kanak-kanak mempertingkatkan perkembangan literasi mereka semasa berada di sekolah. Ibu bapa juga perlu dibimbing bagi mendidik anak-anak mereka ketika berada di rumah. Penggunaan modul literasi yang telah ditambah nilai perlu diteruskan sebagai usaha menggalakkan penglibatan ibu bapa di rumah.

Oleh itu, pihak sekolah dan ibu bapa di rumah perlu sama-sama berganding bahu dalam memastikan kejayaan anak-anak kita yang bakal mewarisi negara kita pada masa hadapan.

Rujukan

- Adams, M. (1990). *Beginning to read: Thinking and learning about Print*. Cambridge, MA: The MIT Press.
- Allor, J. H. & McCathren, R. B. (2003). Developing Emergent Literacy Skills Through Storybook Reading. *Intervention in School and Clinic*, 39(2), 72-79.
- Burgess, S.R., Hecht, S.A., & Lonigan, C.J. (2002). Relations of the Home Literacy Environment (HLE) to the Development of Reading-Related Abilities: A One-Year Longitudinal Study. *Reading Research Quarterly*, 37(4), 408-426.
- Chua Yan Piaw (2008) *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Clay, M. M. (1991). Introducing a new storybook to young readers. *The Reading Teacher*, 45(4): 264-265.
- Foy, J. G., & Mann, V. (2003). Home literacy environment and phonological awareness in preschool children: Differential effects for rhymes and phoneme awareness. *Applied Psycholinguistics*, 24, 59-88.
- Hall, S.K., (2008). *Children's emergent literacy and phonological awareness: What is the role of the home literacy environment?*. PHD Thesis. University of Minnesota.
- Haney, M. & Hill, J. (2004). Relationships between parent-teaching activities and emergent literacy in preschool children. *Early Child Development and Care*. 174(3), 215-228.

- Hasnah Awang & Habibah Mohd Samin (2010) *Literasi Bahasa Melayu*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Subang Jaya, Selangor.
- Johan Jaafar (2009) *Rais can help revive the wow factor in reading*. News Straits Times Press. Diperolehi Mei 18, 2009 daripada <http://archives.amedia.com.my/bin/main/exe>
- Koh Soo Ling (2006) *Write from the start*. News Straits Time Press. Diperolehi Mei 10, 2009 daripada <http://archives.amedia.com.my/bin/main/exe?f=doc&state=8p7j4k.3.6>
- Nutbrown C., Hannon P. & Morgan A. (2005) *Early Literacy Work with Families: Policy, Practice & Research*. SAGE Publications
- Purcell-Gates V. (2000). Family literacy. In M. Kamil, P. Mosenthal, P.d. Pearson & R. Barr (Eds.), *Handbook of reading research* (Volume 111, m.s. 853-870). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Roberts, J., Jurgens, J. & Burchinal, M. (2005). The role of home literacy practices in preschool children's languages and emergent literacy skills. *Journal of Speech, Language, and Hearing Research*. Vol 4B, 346-359.
- Ruslida Che Man (2005) *Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dengan Pencapaian Kanak-kanak Prasekolah dalam Kemahiran Asas Membaca*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Steiner L. M. (2008) *Effects of a School-Based Parent and Teacher Intervention to Promote First-Grade Students' Literacy Achievement*. Boston University.
- Teale, W. H. & Sulzby, E. (1986). *Emergent Literacy: Writing and Reading. Writing Research: Multidisciplinary Inquiries into the Nature of Writing Series*. NJ: Ablex Publishing Corporation.
- Wilson S. B. & Lonigan C. J. (2009). An evaluation of two emergent literacy screening tools for preschool children. *Annals of Dyslexia*. 59(2) 115. Baltimore: Dec 2009.
- Zainiah Mohamed Isa (2005) *Tahap Bacaan dan Faktor-faktor yang Mempengaruhinya*. Laporan Kajian 2005-06-24. Tanjong Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.